

03/11/1999

Karpal guna semua peluang untuk politik

T Ramli

SAYA amat marah dengan sikap hipokrit peguam Karpal yang mengambil kesempatan dari kes Datuk Seri Anwar Ibrahim semata-mata untuk mendapat keuntungan politik bagi dirinya dan pihak pembangkang.

Tugas Karpal adalah untuk membela Anwar. Namun di celah pembelaan itu, Timbalan Pengerusi DAP ini nampaknya cuba menanam bibit-bibit kebencian dan kesangsian terhadap kerajaan. Contohnya ialah apabila Karpal mendakwa bahawa Anwar diracun berikutan konspirasi orang atasan.

Karpal juga membuat anggapan bahawa Hakim Datuk Ariffin Jaka takut kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Walaupun ditegur untuk menarik balik kenyataan itu, Karpal enggan melakukannya, sebaliknya mengulangi dakwaan yang sama untuk menyerang kewibawaan badan kehakiman.

Yang peliknya ialah Karpal hanya membuat dakwaan-dakwaannya (termasuk kes keracunan Anwar, konspirasi orang atasan, ketidakadilan mahkamah dan pelbagai lagi fitnah) di dalam mahkamah atau Parlimen. Ini kerana dia tahu dia tidak boleh didakwa sekiranya melakukan kerja jahatnya dengan halus, sehalus konspirasi Anwar untuk menjadi Perdana Menteri.

Soal melakukan kesalahan, sekurang-kurangnya dari segi moral dan membohongi rakyat tidak dipedulikan Karpal. Dia hanyalah seorang ahli politik pembangkang yang akan mengisi segala ruang dalam mahkamah dan Parlimen untuk merealisasikan niat kejinya.

Kalau Karpal berani kerana benar dan bukan penyampai fitnah, dia seharusnya mengulangi segala dakwaannya di luar mahkamah dan Parlimen supaya sesiapa saja boleh menyamannya sekiranya dia (Karpal Singh) memfitnah dan berbohong. Setakat ini Karpal tidak melakukan demikian kerana dia hanyalah seorang pengecut yang pandai mengugut untuk menyaman tetapi terdiam apabila sedar bahawa dia pun boleh disaman. Karpal amat takut untuk menyaman kerana di dalam mahkamah, tipu dayanya mungkin didedahkan untuk tontonan ramai.

Dia hanya bijak mengeksploitasikan peruntukan undang-undang untuk melindungi dirinya dan pada masa yang sama menipu rakyat agar membenci kerajaan Dr Mahathir dan Jemaah Menteri yang menjadi penghalang baginya dan pihak pembangkang. Inilah wajah sebenar pemimpin DAP yang bercabang lidahnya!

Rakyat tahu nawaitu Karpal melalui tindak tanduknya dalam mahkamah dan Parlimen. Rakyat tidak akan lupa dialah yang mahu mayatnya di langkah terlebih dahulu sebelum Pas mendirikan negara Islam. Rakyat tidak lupa orang yang sama menyuruh Ummi Hafilda dan Azizah Abu Bakar membuat laporan terhadap kes salah laku seks Anwar. Rakyat juga tidak lupa dialah antara pemimpin pembangkang yang terdahulu mahu Anwar digugurkan sebagai Timbalan Perdana Menteri akibat salah laku seks.

Dan ironinya ialah Karpal sekarang membela Anwar. Saya tertanya di mana prinsip hidupnya dan mengapa Majlis Peguam yang selalu cepat mengkritik kerajaan berdiam diri mengenai Karpal?

Bagi saya, Karpal hanyalah pemimpin pembangkang yang 'sambil menyelam, minum air'. Kalau dia pentingkan keadilan, nescaya dia sudahpun melutut dan meminta maaf kepada rakyat kerana fitnahnya mengenai keracunan Anwarlah yang mencetuskan keganasan dan mendatangkan masalah kepada orang ramai.